



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PERKEMBANGAN HOLISTIK KANAK-KANAK DI TASKA PERMATA KEMAS**

**NURHUSNA BINTI ABDUL MALEK**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2017**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PERKEMBANGAN HOLISTIK KANAK-KANAK DI TASKA PERMATA KEMAS

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penglibatan ibu bapa dalam aspek kognitif, sosial, emosi dan bahasa serta hubungannya dengan perkembangan sahsiah, sosioemosi dan kerohanian; bahasa, komunikasi dan literasi awal; dan awal matematik dan pemikiran logik kanak-kanak. Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik yang melibatkan seramai 279 orang sampel ibu bapa dan kanak-kanak yang dipilih daripada beberapa buah Taska Permata Kemas di Negeri Perak dan Selangor. Data dianalisis secara deskriptif bagi menjelaskan tahap penglibatan ibu bapa dan perkembangan kanak-kanak. Manakala statistik inferensi menerangkan hubungan serta perbezaan antara boleh ubah. Penglibatan ibu bapa dalam aspek bahasa menunjukkan nilai min tertinggi, manakala penglibatan ibu bapa dalam aspek kognitif menunjukkan nilai min terendah. Analisis inferensi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dalam aspek emosi dengan perkembangan sahsiah, sosio emosi dan kerohanian. Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dalam aspek bahasa kemahiran membaca dengan perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal. Analisis korelasi Pearson juga menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dalam aspek kognitif dengan perkembangan awal matematik dan pemikiran logik. Manakala hasil kajian juga menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dalam aspek sosial dengan perkembangan sahsiah, sosio emosi dan kerohanian. Implikasi kajian menunjukkan penglibatan ibu bapa di rumah memberi kesan terhadap perkembangan kanak-kanak 3 hingga 4 tahun di Taska Permata Kemas.

*Kata Kunci:* perkembangan holistik, penglibatan ibu bapa





## PARENTAL INVOLVEMENT IN CHILDREN HOLISTIC DEVELOPMENT IN TASKA PERMATA KEMAS

### ABSTRACT

This study was conducted to investigate parents' involvement in the aspect of cognitive, social, emotional and language; and its influence on children's personal development, socio-emotional and spirituality; language, communication and early literacy; as well as the development of early mathematics and logical thinking among children. A survey was carried out by distributing the questionnaires to 279 samples comprising of parents and children selected from several Permata Kemas nurseries in the state of Perak and Selangor. In elucidating the level of parents' involvement towards children's development, the data was analysed descriptively and the inference statistics aided in depicting the relationship and differences between variables. This research revealed that parents' involvement in the aspect of language obtained the highest mean score and in contrary, the parents' involvement in the aspect of cognitive scored the lowest. The inference analysis discovered that there was a significant correlation between parents' involvement in the aspect of emotional with the children's personal development, socio-emotional and spirituality. The findings also demonstrated a significant relationship between parents' involvement in the aspect of language with children's reading skills, language development, communication and early literacy. The Pearson correlation analysis displayed no significant relationship between parents' involvement in the aspect of cognitive with the development of early mathematics and logical thinking. Likewise, the findings also showed no significant association between parents' involvement in the aspect of social with personal development, socio-emotional and spirituality of children. The implication of this study proved that the involvement of parents at home influences the development of children between the ages of 3 to 4 years old in Permata Kemas nurseries.

*Key words: holistic development, parents' involvement*





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## KANDUNGAN

### **Muka Surat**

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>KANDUNGAN</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	viii



05-4506832



pustaka

## **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Soalan Kajian	12
1.7 Hipotesis Kajian	13
1.8 Kepentingan Kajian	14
1.9 Batasan Kajian	16
1.10 Definisi Istilah Operasional	17
1.10.1 Pengaruh	17



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.10.2 Penglibatan Ibu Bapa	17
1.10.3 Perkembangan Holistik	19
1.10.4 Perkembangan Kognitif	20
1.10.5 Perkembangan Emosi	20
1.10.6 Perkembangan Sosial	21
1.10.7 Perkembangan Bahasa	22
1.10.8 Kanak-Kanak 3-4 tahun	22
1.10.9 Taska	23
1.11 Kesimpulan	24

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR



2.1 Pengenalan	25
2.2 Teori Persekutaran Bronfenbrenner (1979)	26
2.3 Teori Perkembangan Vygotsky	31
2.4 Jenis-Jenis Penglibatan Ibu Bapa	33
2.5 Pengaruh Penglibatan Ibu Bapa Terhadap Perkembangan Kanak-Kanak	35
2.5.1 Perkembangan Kognitif	39
2.5.2 Perkembangan Bahasa	41
2.5.3 Perkembangan Sosial	44
2.5.4 Perkembangan Emosi	45
2.6 Kajian-Kajian Lepas Yang Berkaitan	47
2.9 Kesimpulan	50





## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	51
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	52
3.3	Reka Bentuk Kajian	53
3.4	Lokasi Kajian	56
3.5	Populasi dan Persampelan Kajian	61
3.6	Prosedur Pelaksanaan Kajian	62
3.7	Instrumen Kajian	62
3.7.1	Soal Selidik Bahagian A – Demografi Responden	64
3.7.2	Soal Selidik Bahagian B – Penglibatan Ibu Bapa	64
3.7.3	Soal Selidik Bahagian C – Pencapaian Kanak-Kanak	65
3.8	Kajian Rintis	65
3.9	Prosedur Pemerolehan Data	67
3.10	Prosedur Penganalisisan Data	68
3.10.1	Analisis Statistik Deskriptif	68
3.10.2	Analisis Statistik Inferensi	69
3.10.2.1	Korelasi Pearson	70
3.11	Kesimpulan	70



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	72
4.2 Maklumat Demografi	73
4.2.1 Lokasi Tempat Tinggal	73
4.2.2 Jantina	74
4.2.3 Umur	74
4.2.4 Pendidikan	75
4.2.5 Pekerjaan	76
4.2.6 Pendapatan	76
4.3 Analisis Deskriptif	77
4.3.1 Penglibatan Ibu Bapa Di Rumah	77
4.3.1(a) Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aspek Perkembangan Emosi	78
4.3.1 (b) Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aspek Perkembangan Kognitif	79
4.3.1 (c) Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aspek Perkembangan Bahasa (Kemahiran Membaca)	80
4.3.1 (d) Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aspek Perkembangan Bahasa (Kemahiran Menulis)	81
4.3.1 (e) Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aspek Perkembangan Sosial	82
4.3.1(f) Statistik Deskriptif Mengikut Aspek Penglibatan Ibu Bapa Secara Keseluruhan	83
4.3.2 Tahap Perkembangan Kanak-Kanak	83
4.3.2 (a) Perkembangan Sahsiah, Sosioemosi dan Kerohanian	83





4.3.2 (b) Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal	84
4.3.2 (c) Perkembangan Matematik dan Pemikiran Logik	85
4.3.2 (d) Statistik Deskriptif Mengikut Aspek Perkembangan Kanak-Kanak Secara Keseluruhan	87
4.4 Analisis Inferensi	87
4.5 Ringkasan Kajian	94
4.6 Kesimpulan	95

## BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN



5.1 Pengenalan	96
5.2 Hubungan Penglibatan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Kanak-Kanak	97
5.2.1 Hubungan Penglibatan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Kanak-Kanak Secara Keseluruhan	97
5.2.2 Hubungan Penglibatan Ibu Bapa (Emosi dan Sosial) Dengan Pencapaian Kanak-Kanak Dalam Aspek Sahsiah, Sosioemosi dan Kerohanian	98
5.2.3 Hubungan Penglibatan Ibu Bapa (Kognitif) Dengan Pencapaian Kanak-Kanak Dalam Aspek Awal Matematik dan Pemikiran Logik	100
5.2.4 Hubungan Penglibatan Ibu Bapa (Membaca dan Menulis) Dengan Pencapaian Kanak-Kanak Dalam Aspek Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal	101
5.5 Perbezaan Tahap Penglibatan Ibu Bapa	103





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
X

5.5.1	Perbezaan Tahap Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Jantina Kanak-Kanak	103
5.5.2	Perbezaan Tahap Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Pendapatan	104
5.6	Perbezaan Tahap Perkembangan Kanak-Kanak	105
5.6.1	Perbezaan Tahap Perkembangan Kanak-Kanak Berdasarkan Jantina	105
5.6.2	Perbezaan Tahap Perkembangan Kanak-Kanak Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa	106
5.7	Cadangan Kajian	107
5.7.1	Ibu Bapa	107
5.7.2	Guru	108
5.7.3	Kajian Lanjutan	108
5.8	Kesimpulan	109



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI RUJUKAN

111

## LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
3.4 (a) Maklumat Taska Permata Kemas, Negeri Perak	56
3.4 (b) Maklumat Taska Permata Kemas, Negeri Selangor	59
3.8 Nilai Realibility Kajian Rintis	66
4.2.1 Taburan Responden Mengikut Lokasi Tempat Tinggal	73
4.2.2 Taburan Responden Mengikut Jantina	74
4.2.3 Taburan Responden Mengikut Umur	75
4.2.4 Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Tahap Pendidikan	75
4.2.5 Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan	76
4.2.6 Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Kumpulan Pendapatan	77
4.3.1 (a) Dapatan Item Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aspek Perkembangan Emosi	78
4.3.1 (b) Dapatan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aspek Perkembangan Kognitif	79
4.3.1 (c) Dapatan Item Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aspek Perkembangan Bahasa (kemahiran membaca)	80
4.3.1 (d) Dapatan Item Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aspek Perkembangan Perkembangan Emosi (kemahiran menulis)	81
4.3.1 (e) Dapatan Item Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aspek Perkembangan Sosial	82
4.3.1 (f) Statistik Deskriptif Mengikut Aspek Penglibatan Ibu Bapa Secara Keseluruhan	83
4.3.2 (a) Dapatan Item Perkembangan Sahsiah, Sosioemosi dan Kerohanian	84





4.3.2 (b)	Dapatan Item Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal	85
4.3.2 (c)	Dapatan Item Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik	86
4.3.2 (d)	Statistik Deskriptif Mengikut Aspek Perkembangan Kanak-Kanak Secara Keseluruhan	87
4.4 (a)	Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa Secara Umum Dengan Pencapaian Kanak-Kanak Secara Keseluruhan	88
4.4 (b)(i)	Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa (Emosi) Dengan Pencapaian Sahsiah, Sosio Emosi dan Kerohanian	89
4.4 (b)(ii)	Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa (Sosial) Dengan Pencapaian Sahsiah, Sosio Emosi dan Kerohanian	89
4.4 (c)	Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa (Kognitif) Dengan Pencapaian Awal Matematik dan Pemikiran Logik	90
4.4 (d)(i)	Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa (Membaca) Dengan Pencapaian Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal	91
4.4 (d)(ii)	Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa (Menulis) Dengan Pencapaian Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal	91
4.4 (e)	Perbezaan Antara Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Jantina Kanak-Kanak	92
4.4 (f)	Perbezaan Antara Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Pendapatan	93
4.4 (g)	Perbezaan Antara Pencapaian Kanak-Kanak Berdasarkan Jantina Kanak-Kanak	93
4.4 (h)	Perbezaan Antara Pencapaian Kanak-Kanak Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa	94
4.5	Keputusan Hipotesis Nul Kajian	94





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
viii

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
2.2	Teori Sistem Bioekologi Bronfenbrenner	26
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	52
3.3	Carta Alir Reka Bentuk Kajian	55



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



1.1 Pengenalan

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab ini mengutarakan secara umum mengenai perkara-perkara asas kepada kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Fokus utama perbincangan adalah tentang penglibatan ibu bapa terhadap pembelajaran kanak-kanak 3 hingga 4 tahun di rumah dalam usaha meningkatkan prestasi serta pencapaian akademik dan perkembangan kanak-kanak dari aspek kognitif, sosial, emosi dan bahasa di taska. Selain itu, bab ini juga mengandungi penyataan masalah kepada kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi pembolehubah kajian yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012), pendidikan prasekolah ialah program asuhan dan didikan awal kanak-kanak (ECCE) yang dibahagikan kepada pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak berumur antara empat hingga enam tahun, dan program lain seperti pusat jagaan harian untuk kanak-kanak yang lebih kecil. Pendidikan awal merupakan pengalaman yang penting dalam dunia pendidikan seseorang kanak-kanak. Pengalaman yang diperoleh semasa mengikuti pembelajaran seawal usia dengan berkesan dan bermakna juga menyeronokkan mampu membekalkan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap positif sebagai persediaan awal untuk memasuki alam persekolahan formal (Hussain Ahmad, 1996).

Menurut Sarana Ibu Bapa, Kementerian Pelajaran Malaysia (2013-2015), 52% masa



seseorang anak dihabiskan di rumah dan di komuniti manakala 15% sahaja dihabiskan di sekolah. Oleh itu, penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak sama ada di rumah mahupun di sekolah adalah sangat penting supaya mereka boleh melalui tumbesaran dan berkembang secara positif dalam semua aspek perkembangan.

Untuk mencapai matlamat ini, kanak-kanak memerlukan persekitaran yang kondusif dan selamat agar proses perkembangan mereka dapat berkembang dan sempurna seiring dengan kesesuaian umur. Oleh yang demikian, faktor utama yang diperlukan dalam pembinaan perkembangan holistik kanak-kanak adalah dari ibu bapa dan keluarga di rumah. Ini kerana golongan kanak-kanak jelas dibuktikan dalam pernyataan Wawasan 2020 di mana institusi keluarga dan kanak-kanak merupakan salah satu fokus yang diberi keutamaan dalam usaha negara mencapai status negara





maju di samping melahirkan masyarakat yang saksama dan penyayang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012).

Taman asuhan kanak-kanak atau disebut sebagai TASKA menyediakan pengalaman kepada kanak-kanak berumur sejak lahir hingga empat tahun. Aktiviti yang disediakan di taska dirancang bagi memenuhi perkembangan kanak-kanak secara meyeluruh iaitu dari sudut perkembangan fizikal, bahasa, kognitif serta sosio emosi tanpa mengabaikan perkembangan nilai-nilai murni serta perkembangan sosial mereka. Selain itu, kanak-kanak di taska juga dilatih untuk memperolehi nilai-nilai kendiri yang positif dan sihat serta dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat yang berbilang kaum dan status. Teknik pembelajaran di PERMATA adalah dengan merangsang minda kanak-kanak melalui kaedah penerokaan, mencuba dan merasai pelbagai

pengalaman melalui aktiviti permainan. Kaedah seperti ini diwujudkan agar persekitaran yang sesuai dan menyeronokkan dapat dilalui oleh kanak-kanak.

Berikut merupakan pendapat ahli falsafah tentang kepentingan pendidikan bagi kanak-kanak.

Dari perspektif Islam, Imam Al-Ghazali berpendapat bahawa:

“Kanak-kanak merupakan amanah dan tanggung jawab orang tuanya, jiwanya yang suci murni adalah permata yang mahal yang bersahaja dan bebas dari ukiran dan gambaran dan ia boleh menerima setiap ukiran dan cenderung kepada apa yang dicenderungkan kepadanya”. (Zolkifli bin Jamaluddin, 2002)





“Pentingnya masa kanak-kanak di mana peribadi mereka terbentuk dan pengaruhnya amat besar pada kehidupan seterusnya, iaitu masa dewasa dan masa tua hal-hal pertamalah yang patut dipelihara, sebab kanak-kanak pada asalnya diciptakan lengkap untuk menerima baik atau buruknya hanya orang tualah yang mencenderungkan kepada salah satu di antaranya”. (Zolkifli bin Jamaluddin, 2002).

Jelas di sini menunjukkan bahawa pendidikan pada peringkat awal amat dititik beratkan oleh tokoh-tokoh Islam dan barat. Mereka sepakat bahawa pendidikan kanak-kanak harus mendapat perhatian sepenuhnya kerana kanak-kanak mempunyai waktu-waktu tertentu yang sangat singkat. Tambahan pula, apabila dikaitkan dengan perkembangan kognitif, kanak-kanak pada usia 4 tahun telah mencapai 50 peratus daripada perkembangan intelek seorang dewasa (Bloom, 1964).

Perkembangan kanak-kanak adalah terlalu cepat dan berlaku tidak sama antara

satu individu dengan individu lain. Kanak-kanak mengalami perubahan yang cepat dalam tempoh yang singkat. Mereka mungkin menjadi terlalu maju dalam sesuatu bidang perkembangan dan terlalu lambat dalam bidang perkembangan yang lain pada masa-masa tertentu. Keadaan yang mereka miliki tidak kekal lama dan boleh berubah mengikut peredaran masa dan juga pendedahan yang diterima (*National Education Goals Panel Early Childhood Assessments Resource Group, 1998*). Justeru, penglibatan ibu bapa diperlukan dalam pembelajaran kanak-kanak sama ada di rumah atau di sekolah supaya seseorang kanak-kanak itu boleh melalui proses perkembangan secara positif dari segi fizikal, rohani, emosi dan intelek (Tan Poh Yoke, 2014).

Tidak dinafikan bahawa setiap ibu bapa adalah pelengkap kepada sekolah dan pembelajaran anak-anak. Sedar mahupun tidak, secara tauladan dan arahan, ibu bapa telah mengajar anak-anak sejak dari awal lagi iaitu sebelum anak-anak melangkah ke





alam persekolahan. Di peringkat bayi, individu yang paling hampir dengan persekitaran mereka adalah ibu bapa dan adik-beradik. Golongan tersebut memainkan peranan utama dalam pendidikan. Ramai pihak berpendapat bahawa ibu bapa merupakan guru pertama kepada kanak-kanak dan pentingnya penglibatan dan dorongan yang diberikan setiap hari agar mereka sedar proses perkembangan anak yang sedang berlaku. Hal ini selari dengan kenyataan yang dibuat oleh *National Parent Teacher Association (PTA)* di Amerika Syarikat iaitu selain menjadi ibu bapa, mereka berperanan sebagai model ikutan dan menjadi guru terawal kepada anak-anak.

Namun, oleh kerana pendidikan awal di taska telah berkembang dan menjadi penting dalam arus pendidikan masa kini, maka kebanyakan keluarga menghantar anak-anak mereka ke taska. Di Malaysia, pandangan sebegini perlu diambil serius



kerana proses perkembangan kanak-kanak yang berjalan dengan sihat dan sempurna dapat membentuk mereka menjadi sebahagian daripada masyarakat yang amat penting, dan menjadi aset kepada negara serta penyambung nadi pembangunan negara pada masa akan datang.

Dalam konteks kajian ini, perkembangan holistik merujuk kepada perkembangan secara menyeluruh terhadap kanak-kanak seperti perkembangan kognitif, emosi, sosial dan bahasa. Perkembangan holistik kanak-kanak ini perlu dibantu dan disokong oleh penglibatan ibu bapa yang bermula di rumah. Ini kerana penglibatan ibu bapa dilihat sebagai suatu perkara penting melalui sumbangan mereka terhadap pembangunan pemerolehan bahasa, kemahiran sosialisasi dan pencapaian akademik kanak-kanak. Ini selaras dengan kajian Elis dan Rohaty (2009) yang menyatakan bahawa kelebihan penglibatan ibu bapa ini berguna untuk kejayaan





akademik dan emosional seperti kemahiran literasi dan bahasa serta pembelajaran dan didikan awal yang dibentuk di rumah.

### 1.3 Penyataan Masalah

Penglibatan ibu bapa didefinisikan sebagai persepsi anak mengenai betapa baiknya ibu bapa mendorong anak-anak bagi pemilihan dan penglibatan aktiviti (Anderson, Funk, Elliot & Hull Smith, 2003). Tetapi apa yang ingin ditekankan di sini ialah bantuan yang diberikan kepada anak-anak dalam aspek perkembangan mereka. Hal ini kerana bantuan daripada keluarga adalah salah satu cara dimana ibu bapa memberikan penglibatan kepada anak-anak mereka (Das & Patnaik, 2007). Penglibatan yang



diterima daripada ibu bapa merupakan salah satu cara untuk merapatkan hubungan antara anak dengan ibu bapa secara fizikal dan psikologi.

Taman Asuhan Kanak-Kanak merupakan tempat pertama kanak-kanak menjakkan kaki ke alam persekolahan. Menurut Juhari & Baharudin (2004) peringkat awal kanak-kanak bermula dari umur 3 hingga 6 tahun. Kanak-kanak pada peringkat ini telah mula membentuk konsep kendiri, identiti dan peranan jantina. Mereka sudah pandai mengurus diri serta menunjukkan minat untuk bermain dengan kanak-kanak lain. Dari aspek kognitif, emosi, sosial dan bahasa pula, kanak-kanak pada tempoh usia ini mengalami perkembangan yang drastik. Oleh itu, kualiti hubungan ibu bapa dan anak amat kritikal pada peringkat ini bagi menjamin proses sosialisasi berjalan lancar. Dalam Sarana Ibu Bapa, Kementerian Pelajaran Malaysia (2013 - 2015), 52% masa seseorang anak itu dihabiskan di rumah dan di komuniti,





manakala 15% masa sahaja yang dihabiskan di sekolah. Di sini menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak sama ada di rumah mahupun di sekolah diperlukan agar kanak-kanak itu boleh menjalani proses perkembangan yang positif dari aspek kognitif, emosi, sosial dan bahasa.

Malaysia telah mengalami pembangunan yang pesat dan berkembang selari dengan perkembangan dunia sejak tiga abad yang lepas (Lim, 2006). Lantaran dari keadaan tersebut, Malaysia telah mengalami perubahan dari segi demografi dan budaya di dalam masyarakat di mana peranan dan tanggung jawab bapa sebagai pencari nafkah manakala ibu menjaga anak di rumah telah berubah ke arah kedua-duanya berperanan mencari nafkah bagi membantu kehidupan dan keperluan keluarga yang lebih baik. Berdasarkan Laporan Soal Selidik Tenaga Buruh 2004, 60% tenaga

kerja terdiri daripada kaum wanita (Lim, Soh Peng, 2006). Oleh kerana ramai wanita bekerja, anak-anak telah dihantar ke pusat asuhan dan prasekolah. Justeru, ibu bapa tidak dapat meluangkan masa yang banyak terhadap anak-anak dan tidak dapat memainkan peranan di dalam proses perkembangan anak-anak mereka. Penglibatan ibu bapa di Malaysia didapati tidak diberi penekanan. Jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Amerika, England, dan Australia, penglibatan ibu bapa ditempatkan sebagai perkara utama dalam sistem pendidikan negara mereka.

Dalam konteks Malaysia, kehendak ibu bapa yang mahukan pencapaian anak mereka cemerlang merupakan senario yang sering berlaku. Namun, penglibatan ibu bapa yang semakin berkurangan dalam aktiviti dan program yang dianjurkan pihak sekolah mempengaruhi kesan terhadap perkembangan kanak-kanak. Ramai pihak tidak menyedari bahawa ibu bapa merupakan individu yang lebih utama peranannya





tetapi diketepikan dalam soal ini. Kebanyakan ibu bapa yang cuba menyesuaikan anak-anak dengan cara didikan dan asuhan yang mereka berikan sering menemui kegagalan. Hal ini berlaku kerana mereka tidak memahami apa keperluan dan kehendak anak-anak mereka. Mereka seharusnya memberi perhatian yang sewajarnya dengan cara mempelajari tingkah laku anak terlebih dahulu kemudian baru menentukan cara didikan dan asuhan yang sesuai. Newton (2002) juga berpendapat bahawa segelintir ibu bapa mempunyai cara didikan dan asuhan tersendiri untuk mengajar anak supaya selesa dengan pendekatan yang diterapkan.

Disebabkan oleh kesibukan ibu bapa bekerja, tugas dan tanggungjawab mengajar dan mendidik anak-anak diserahkan sepenuhnya kepada pusat jagaan dan bimbingan kanak-kanak. Mereka sering menyalahkan cara guru mengajar dan



mendidik semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di sekolah sekiranya pencapaian dan perkembangan anak-anak mereka rendah dan merosot. Sejauh mana ibu bapa perlu terlibat dalam proses pendidikan anak-anak di sekolah masih lagi menjadi persoalan. Ini kerana masih wujud jurang pemisah antara hubungan para guru dengan ibu bapa lantaran daripada persepsi yang berbeza-beza.

Ibu bapa perlu sedar bahawa mereka tidak boleh menyerahkan tanggungjawab mendidik anak-anak sepenuhnya kepada pihak taska. Tugas ini sepatutnya dikongsi bersama antara pihak sekolah dan ibu bapa. Ini kerana kajian yang dilakukan oleh Reay (2004), mendapati bahawa seseorang anak itu dapat mencapai kecemerlangan dalam pendidikan jika ibu bapa turut melibatkan diri dalam pendidikan anak di sekolah. Rohaty (2003) juga berpendapat peranan penglibatan ibu bapa dalam proses





pendidikan kanak-kanak adalah amat penting bagi membentuk konsep kendiri anak-anak mereka.

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan dan perkembangan kanak-kanak tidak semestinya berlaku secara langsung. Penglibatan mereka boleh berlaku secara tidak langsung dan penglibatan itu sendiri tidak hanya terhad di sekolah sahaja sebaliknya di rumah (Deslandes & Betrand, 2005; Garg et al., 2002; Goldscheider, Thornton & Yang, 2001). Peranan ibu bapa dilihat sebagai perkara yang amat penting bagi meningkatkan motivasi diri anak-anak dan kesungguhan untuk memenuhi harapan mereka. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Lareau (2000), beliau mengatakan faktor kekangan masa dan beban tugas menyebabkan ibu bapa kurang peka terhadap peranan mereka terhadap pendidikan anak-anak dan



Pelbagai kajian yang dilakukan di Barat telah menunjukkan bahawa hubungan kerjasama yang wujud antara pihak pusat didikan dengan ibu bapa dapat membantu dalam meningkatkan pencapaian kanak-kanak di dalam bidang akademik dan menyumbang ke arah proses perkembangan mereka secara menyeluruh. Namun, masalah yang sering dihadapi oleh pihak pusat didikan apabila kerjasama antara guru dan ibu bapa tidak wujud. Jika hubungan kerjasama itu berjaya, maka pelajar akan merasakan bahawa sekolah adalah sebuah tempat yang selamat dan merasa gembira serta selesa untuk ke sekolah (Chavkin & William, 1998). Ini menunjukkan bahawa sesebuah institusi persekolahan itu kurang berkesan tanpa penglibatan dari pihak ibu bapa.





Menurut Shaverand & Walls (1998), anak-anak tidak memberikan tumpuan terhadap apa yang dipelajari di sekolah sekiranya ibu bapa kurang terlibat dan mengambil tahu dalam pendidikan anak-anak di rumah. Hal ini akan menyebabkan pencapaian akademik anak-anak kurang cemerlang (Lawson, 2003; Hoover-Dempsey & Sandler, 1995). Pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa bersama anak di rumah antaranya seperti membaca buku cerita, merwarna gambar, bermain teka teki dan bersoal jawab. Statistik menunjukkan 40 peratus daripada 469,038 kanak-kanak tahun satu bermasalah dalam membaca dan menulis bahasa Melayu.

Kanak-kanak yang mengalami masalah buta huruf di tahun satu berkemungkinan berhadapan dengan masalah yang sama disepanjang persekolahan mereka (Koh Soo Ling, 2006). Ini menunjukkan bahawa ramai kanak-kanak yang

masih tidak dapat menguasai kemahiran membaca. Keadaan ini adalah sesuatu yang perlu ditangani dengan baik dan melibatkan semua pihak terutamanya ibu bapa kerana peranan orang dewasa adalah memberi penglibatan dalam bentuk motivasi dan peneguhan kepada sebarang perlakuan baik yang dilakukan oleh kanak-kanak (Vygotsky, 1978 dalam Morrison, 1995). Oleh yang demikian, ada baiknya ibu bapa memulakan usaha membaca bersama anak-anak di rumah sebelum anak-anak menjelaki alam persekolahan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan melihat sejauh mana penglibatan ibu bapa di rumah terhadap perkembangan kognitif, emosi, sosial dan bahasa kanak-kanak.





## 1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji penglibatan ibu bapa terhadap perkembangan kognitif, sosial, emosi dan bahasa dalam kalangan kanak-kanak 3 hingga 4 tahun di Taska Permata Kemas. Fokus kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan aspek perkembangan kanak-kanak seperti empat elemen yang dinyatakan iaitu perkembangan kognitif, sosial, emosi dan bahasa. Disamping itu kajian ini juga akan memperlihatkan tahap pada aspek perkembangan kognitif, sosial, emosi dan bahasa kalangan kanak-kanak.

## 1.5 Objektif Kajian



Objektif kajian ini adalah untuk;

- 1.5.1 Mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa di rumah dalam aspek perkembangan kognitif, emosi, bahasa (membaca), bahasa (menulis) dan sosial kanak-kanak.
- 1.5.2 Mengenal pasti tahap perkembangan kanak-kanak dalam aspek sahsiah, sosio emosi dan kerohanian; bahasa, komunikasi dan literasi awal; dan awal matematik dan pemikiran logik.
- 1.5.3 Mengukur korelasi antara penglibatan ibu bapa dengan perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan.
- 1.5.4 Mengukur korelasi antara penglibatan ibu bapa (emosi dan sosial) dengan perkembangan sahsiah, sosioemosi dan kerohanian kanak-kanak.





- 1.5.5 Mengukur korelasi antara penglibatan ibu bapa (kognitif) dengan perkembangan awal matematik dan pemikiran logik kanak-kanak.
- 1.5.6 Mengukur korelasi antara penglibatan ibu bapa bahasa (membaca) dan bahasa (menulis) dengan perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak.
- 1.5.7 Mengukur perbezaan penglibatan ibu bapa secara keseluruhan berdasarkan jantina kanak-kanak.
- 1.5.8 Mengukur perbezaan penglibatan ibu bapa secara keseluruhan berdasarkan pendapatan.
- 1.5.9 Mengukur perbezaan perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan berdasarkan jantina.
- 1.5.10 Mengukur perbezaan perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan berdasarkan pendapatan ibu bapa.



## 1.6 Soalan Kajian

Dalam kajian ini beberapa soalan kajian dikemukakan bagi mencapai objektif kajian, antaranya ialah;

- 1.6.1 Sejauh manakah tahap penglibatan ibu bapa terhadap perkembangan kanak-kanak berumur 3 hingga 4 tahun dalam aspek emosi, kognitif, bahasa (membaca), bahasa (menulis) dan sosial?
- 1.6.2 Sejauh manakah tahap perkembangan kanak-kanak berumur 3 hingga 4 tahun dalam aspek sahsiah, sosio emosi dan kerohanian; bahasa, komunikasi dan literasi awal; dan awal matematik dan pemikiran logik?

